

**NILAI DIRI, KELUARGA, SISTEM SOKONGAN DAN PENGALAMAN TERAPUTIK ISLAMIC CREATIVE ART THERAPY DALAM KALANGAN REMAJA GANGGUAN SEKSUAL**

Mohd Hatta Othman, Che Rozita Che Abdul Rahman ,\*Azizah Abdullah, Norazman Amat & Aminah Nor Ujang

**ABSTRACT**

Teenagers are those who need Islamic values to grow better. They are now faced with a host of social illness stemming from self-weaknesses, family and community weaknesses. Teenagers involved in sexual harassment are having difficulties to express their emotions verbally thus making it hard for them to explore themselves. This study is qualitative and discusses the values found in the self, the family and the support system. This study was conducted on 4 girls from the Rumah Kanak-Kanak Rembau, Department of Community Welfare (RKK JKM) who had fall victim to sexual harassment. Data analysis is conducted by observing the clients' drawings, object descriptions and counseling report documents provided by the counselor. The findings show that dedication is essential to help them deal with negative emotions and feelings such as anger, resentment, sadness, worry and frustration. These negative emotions that still exists disturbs the client to show the value of dedication in their lives. In addition, the value of cooperation in the family must be improved and instilled so that the client can develop good emotions, thoughts and behavior. The element of thankfulness were also shown by the client in appreciation of support systems such as family and children's homes.

**ABSTRAK**

Golongan remaja adalah golongan yang memerlukan nilai-nilai Islam untuk berkembang dengan lebih baik. Remaja kini terhambat dengan pelbagai masalah sosial yang berpunca daripada kelemahan nilai diri, keluarga dan masyarakat. Remaja yang terlibat dalam gangguan seksual sukar untuk meluahkan emosi secara verbal dan sukar untuk diteroka. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji nilai diri, keluarga, sistem sokongan dan pengalaman terapeutic Islamic Creative Art Therapy dalam kalangan remaja gangguan seksual. Kajian ini berbentuk kualitatif dan membincangkan nilai-nilai yang terdapat dalam diri, keluarga dan sistem sokongan. Proses kaunseling kelompok yang dijalankan telah menggunakan modaliti Islamic Creative Art Therapy sebagai satu alternatif. Kajian ini dijalankan keatas 4 orang remaja perempuan daripada Rumah Kanak-Kanak Rembau, Jabatan Kebajikan Masyarakat (RKK JKM) yang pernah terlibat dengan gangguan seksual. Analisis data dijalankan dengan pemerhatian terhadap lukisan oleh klien, gambaran objek dalam lukisan dan dokumen laporan kaunseling yang disediakan oleh kaunselor. Hasil kajian menunjukkan nilai dedikasi amat diperlukan bagi membantu mereka menguruskan emosi dan perasaan seperti marah, dendam, sedih, risau dan kecewa. Emosi-emosi negatif yang masih wujud ini mengganggu klien untuk menunjukkan nilai dedikasi dalam kehidupan mereka. Selain itu, nilai kerjasama dalam keluarga juga harus diperbaiki agar emosi, pemikiran dan tingkah laku klien berkembang dengan baik. Nilai kesyukuran juga dilahirkan oleh klien sebagai penghargaan kepada sistem sokongan seperti keluarga dan Rumah Kanak-Kanak.

## **PENGENALAN**

Masyarakat di Malaysia telah dikejutkan dengan pelbagai gangguan seksual yang melibatkan pelajar dan remaja. Permasalahan ini menjadi semakin berleluasa dan meningkat setiap tahun. Isu ini sungguh memalukan kerana melibatkan maruah diri dan keluarga. Masalah seksual apabila dikaitkan dengan masalah remaja, dirujuk sebagai perbuatan melakukan hubungan seks tanpa ikatan perkahwinan yang sah atau juga dipanggil sebagai seks bebas. Sedangkan remaja yang melakukan aktiviti seks dengan bertukar-tukar pasangan pula dipanggil sebagai seks rambang. Salah satu daripada masalah seks juga ialah rogol dalam kalangan remaja atau mangsanya adalah remaja. Rogol dimaksudkan perbuatan memperkosa (perempuan). Perkataan merogol pula merujuk melakukan persetubuhan secara paksa atau memperkosa. Perogol pula bermaksud orang yang merogol (Kamus Dewan, 2005; Kamus Pelajar, 2008). Gangguan seksual boleh dibahagikan kepada dua kategori, pertamanya gangguan seksual berbentuk ugutan (sexual coercion), dan gangguan seksual yang berbentuk ancaman terhadap ketenteraman peribadi (sexual annoyance). (Fonny Hutagalung & Zahari Ishak, 2012).

Remaja mudah terjebak dengan masalah seks disebabkan berlaku proses perubahan antara zaman anak-anak dengan zaman dewasa. Pada masa perubahan ini, emosi remaja agak tidak stabil sehingga mereka mudah terdorong dengan dorongan ke arah memenuhi keinginan seks. Menurut Sari Banun & Soedijono (2013), masalah yang paling utama daripada masalah seksual remaja ini adalah disebabkan kesediaan remaja itu sendiri terhadap kesan daripada aktiviti seks tersebut sedangkan mereka masih lagi tidak bersedia daripada segi fizikal, mental, dan ekonomi. Manakala menurut Sarnon et al., (2012), aspek sosial merupakan aspek yang memberi kesan kepada remaja yang terlibat dengan aktiviti seksual pada usia muda ini.

Laporan Berita Harian (2016) menyatakan sebanyak 230 kes gangguan seksual dilaporkan sepanjang tahun 2015 berbanding 190 kes pada tahun 2014. Jumlah peningkatan kes direkodkan ialah 40, tetapi ia disifatkan serius oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mengambil kira kes berkenaan amat sukar didedahkan oleh mangsa. Pengarah Bahagian Bimbingan dan Kaunseling KPWKM, Dr Raja Kamariah Raja Mohd Khalid, memberitahu, pihaknya percaya jumlah mangsa yang tidak membuat aduan lebih ramai daripada itu kerana menganggap ia sesuatu yang memalukan apabila didedahkan atau tidak "perasan" mereka sebenarnya menjadi mangsa.

Terapi seni pada asasnya adalah gabungan bidang psikologi dan seni (Malchiodi, 2007; Siti Noorasmah Hamzah, 2016). Menurut Gil (2003), terapi seni boleh membantu mangsa yang diganggu secara seksual dalam pelbagai cara seperti meneroka dan memulihkan emosi mangsa. Seni merupakan satu alat komunikasi bagi klien untuk meluahkan perasaan yang terpendam daripada dalaman diri mereka (Gil 2003; Siti Noorasmah Hamzah. 2016). Lukisan pada asasnya merupakan gabungan bidang psikologi dan seni sebagai medium pengluahan minda bawah sedar (Ariane, Hartmut & Heidi, (2013) dalam Noorashikin Mohd Rejab, 2018). Lukisan memberi ruang kepada remaja meluahkan perasaan dan emosi didalam bentuk visual dan seterusnya membantu melegakan emosi mereka. Menurut Birtchnell (1984) menegaskan terapi seni adalah gabungan antara seni dan psikoterapi dan merupakan ciptaan yang mempunyai nilai estetika yang berupaya merangsang gambaran alam realiti.

Pengkaji berminat untuk melaksanakan kajian dengan menggunakan pendekatan terapi lukisan terhadap remaja yang menjadi mangsa gangguan seksual. Kajian ini dilaksanakan dengan mengaplikasikan terapi lukisan dalam membantu meneroka isu-isu psikososial dalam kalangan remaja mangsa gangguan seksual. Pendekatan terapi seni merupakan pendekatan yang baru di Malaysia. Pada 6 Oktober 2018, kumpulan penyelidik mengambil bahagian secara unik program celik diri di Klana Resort Seremban. Program ini, yang boleh dikelaskan sebagai Program Modul Remaja yang berhasrat untuk menyampaikan seni dan reka bentuk ilmu kepada remaja dan membantu mereka membina personaliti positif dengan nilai moral tinggi dan kerohanian.

Kebiasaannya mangsa gangguan seksual sukar untuk meluahkan emosi secara verbal dan sukar untuk diteroka. Berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan oleh Nor Shafrin (2012) menunjukkan bahawa mangsa penderaan seksual sukar untuk menceritakan pengalamannya didera secara seksual. Mangsa penderaan seksual akan menahan penderitaan mereka dalam jangka masa yang lama mungkin bertahun-tahun (Gil, 2003). Mangsa penderaan seksual tidak berdaya dan tidak yakin untuk membuat keputusan dalam hidup (Nor Shafrin, 2012). Menurut Salina et al. (2012) penderaan seksual merupakan kes yang rumit untuk ditangani. Tanpa intervensi sewajarnya mangsa penderaan seksual berkemungkinan besar akan mengalami psikopatologi yang lebih serius pada masa depan (Salina et al., 2012; Siti Noorasmah Hamzah, 2016). Menurut Rafidah Kastawi (2013) penghasilan terapeutic menerusi aktiviti seni visual seperti melukis, mewarna, fotografi dan seni arca berupaya membantu klien meluahkan emosi dan perasaan terpendam, seterusnya memberi makna kepada terapi dan diagnosis yang dilakukan kepada klien. Kajian yang dilakukan oleh Azahar Haruna et.al (2012), menyimpulkan bahawa Program terapi seni Islam yang dijalankan di Penjara Sungai Udang Melaka telah membuka satu paradigma baru bagi penyelidik untuk meneroka nilai terapeutik seni kreatif di penjara Malaysia. Hasil kajian telah membantu penghuni untuk mengalihkan emosi negatif mereka (marah, kecemasan, ketakutan, kekecewaan) dan mencari kesenangan dalam seni kreatif.

Golongan remaja adalah golongan yang paling penting diterapkan nilai-nilai Islam yang baik. Kerana remaja kini terhambat dengan pelbagai masalah sosial yang berpunca daripada nilai diri, keluarga dalam masyarakat. Nilai-nilai penting bagi individu Muslim merujuk kepada ciri-ciri atau sifat-sifat mulia yang perlu dimiliki oleh setiap individu Muslim. Di dalam Islam, ia lebih dikenali dengan istilah sahsiah atau akhlak. Sahsiah adalah berasal dari kata Arab iaitu shakhsiyyah yang bermaksud "sifat-sifat yang membezakan seseorang dengan yang lain" (Al-Mu`jam alWasit 2005: 475). Istilah sahsiah juga merujuk kepada akhlak. Perkataan akhlak juga berasal dari bahasa Arab iaitu khuluq. Khuluq bermaksud "keadaan jiwa yang kukuh, keluar daripadanya perbuatan-perbuatan sama ada baik atau buruk tanpa [seseorang itu perlu] memikirkannya [terlebih dahulu sebelum melakukan sesuatu perkara]". Ia juga merujuk kepada al-khilqah iaitu fitrah (sifat semulajadi), tabiat, agama atau ringkasnya ialah gambaran batin seseorang (Ibid: 252; Mohd Nasir Omar 1986: 22-23; Mohd Fauzi Hamat dan Mohd Hasrul Shuhari 2011: 54-55). Berasaskan kepada maksud nilai di atas, ia boleh di katakan sebagai satu sistem yang baik, berguna dan bermanfaat kepada semua manusia. Nilai ini perlu dididik, dicari, dihayati dan diamalkan dalam kehidupan seharian. Nilai ini boleh berubah dengan adanya didikan daripada pihak lain. Untuk mencapai matlamat ini, nilai-nilai yang baik perlu diamalkan

secara berterusan untuk menghasilkan individu yang mengamalkan gaya hidup berakhlak dan beretika dalam kehidupan.

Melalui Islamic Creative Art Therapy, pengkaji ingin melihat nilai-nilai Islam yang didapati dalam diri klien. Remaja yang pernah terlibat dalam gangguan seksual telah mempunyai sejarah hitam dengan individu lain. Pengkaji ingin mengetahui sejauhmanakah kesan-kesan gangguan seksual terhadap nilai yang wujud dalam diri mereka. Terdapat pelbagai nilai Islam dalam kehidupan manusia, antara nilai-nilai Islam seperti ikhlas, dedikasi, kerjasama, berbudi mulia dan bersyukur.

Menurut Khairul Hamimah Mohammah Jodi et.al, (2012) terdapat pelbagai nilai-nilai Islam untuk mencapai kesejahteraan hidup. Antaranya nilai ikhlas melahirkan manusia mempunyai jiwa murni, bersih, meletakkan matlamat tugas atau ibadah seharianya semata-mata untuk Allah dengan tidak mempunyai kepentingan tertentu, mempunyai niat yang jujur dan bersikap positif sekiranya mendapat kritikan daripada orang lain.

Selain itu nilai dedikasi mampu membentuk jiwa berani menghadapi tekanan, cabaran dan menjauhi sikap pesimistik. Dalam menjalani rawatan dan pemulihan di Rumah Kanak-Kanak, mereka yang berdedikasi mampu menjadi seorang yang dinamik, berinisiatif, proaktif dan sentiasa mempunyai iltizam untuk menjayakan tanggungjawabnya dengan penuh komited dalam semua aktiviti hidup baik jasmani, emosi, rohani dan intelektual.

Selain itu nilai kerjasama akan saling membantu dalam semua aspek. Dari sudut sosial, kerjasama antara mereka melibatkan semua perkara bermula daripada individu dan keluarga sehinggalah kepada skop yang besar iaitu melibatkan masyarakat, negara dan alam sejagat. Kerjasama mendidik sikap remaja yang saling bermuafakat, bertukar-tukar fikiran dengan meneroka idea-idea baru untuk membangun martabat umat Islam. Dengan ini mereka akan mengetahui keperluan antara satu sama lain seperti kebajikan, undang-undang dan kemahiran yang secara tidak langsung menjalinkan hubungan di antara mereka.

Nilai berbudi mulia ini membentuk remaja yang bukan sahaja berakhlak mulia kepada diri sendiri tetapi berbudi mulia kepada Allah dan rasul. Mereka berusaha menjauhkan diri daripada terlibat dalam pertelingkahan yang selalunya tidak berlandaskan pemikiran yang rasional. Ini akan melahirkan masyarakat hidup bersatu padu, bersikap merendah diri dan mengeratkan perhubungan kasih sayang sesama umat Islam.

Nilai bersyukur melahirkan remaja yang sentiasa berterima kasih kepada Allah, keluarga, sahabat, majikan dan lain-lain dengan menghargai, berkongsi nikmat yang didapatinya. Mereka tidak riak dan tidak lalai dengan menggunakan nikmat itu pada jalan yang dimurkai Allah, malah berusaha dengan tekun bagi memastikan rezeki yang diperolehi mengikut syariat yang telah ditetapkan. Menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas, orang baik adalah orang yang insaf sepenuhnya tanggungjawab dirinya kepada Tuhan Yang Hak. Mereka memahami dan menyelenggarakan penunaian keadilan terhadap diri mereka dan diri-diri orang lain dalam masyarakatnya. Mereka terus berupaya meningkatkan setiap aspek dalam diri

mereka menuju kesempurnaan sebagai insan adabi (Mohd Hasrul Shuhari & Mohd Fauzi Hamat, 2015).

Berdasarkan kepada permasalahan dalam kalangan remaja pada masa kini dalam gangguan seksual, pengkaji ingin melihat nilai diri, nilai keluarga dan nilai sistem sokongan yang diterima dalam kalangan remaja yang terlibat dalam gangguan seksual dengan menggunakan modaliti Islamic Creative Art Therapy.

## **METODOLOGI**

Kajian ini merupakan satu kajian kes berbentuk kualitatif dengan membincangkan proses kaunseling kelompok yang berlaku dengan menggunakan modaliti Islamic Creative Art Therapy sebagai satu alternatif. Kajian ini dijalankan keatas 4 orang remaja perempuan daripada Rumah Kanak-Kanak Rembau, Jabatan Kebajikan Masyarakat (RKK JKM) yang pernah terlibat dengan gangguan seksual. Analisis data dijalankan dengan pemerhatian terhadap lukisan oleh klien, gambaran objek dalam lukisan dan dokumen laporan kaunseling yang disediakan oleh kaunselor. Sebanyak lima sesi kaunseling kelompok dijalankan dan disusun berdasarkan empat nilai iaitu diri, keluarga dan sistem sokongan. Setiap sesi berlangsung selama satu jam. Setiap ahli kemudiannya melukis diatas kertas lukisan dengan menggunakan crayon berdasarkan matlamat setiap sesi. Dalam kajian ini, data diperolehi daripada temubual dan pemerhatian yang mendalam mengenai proses melukis semasa sesi kaunseling dijalankan.

## **KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN**

Dapatan ini berdasarkan sesi kaunseling kelompok berstruktur yang dijalankan kepada empat klien. Pengkaji mendapati semua klien memberikan kerjasama antara satu sama lain sepanjang sesi kaunseling kelompok dijalankan. Nilai kerjasama yang ditunjukkan kerana klien telah mengamalkan sikap tolong-menolong, mengamalkan permuafakatan mengutamakan kepentingan bersama daripada kepentingan peribadi. Dapatan nilai kerjasama yang diperolehi disokong oleh Khairul Hamimah Mohammadh Jodi (2012) dalam kajiannya dengan banduan wanita, menyatakan semua penghuni akan dianggap sebagai satu keluarga yang akan berbincang dan saling bantu membantu bagi menyelesaikan masalah yang berlaku di antara mereka. Dalam al-Quran, Allah S.W.T telah bersabda: “Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebaikan dan takwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran.” (Qs Al-Maidah [5]: 2)

Dalam kajian ini, empat keputusan sesi Islamic Creative Art Therapy telah diperolehi. Dalam pendekatan ini, klien dikehendaki melukis diatas kertas lukisan yang disediakan. Gambar 1 hingga 4 adalah hasil lukisan klien 1 hingga 4. Jadual 1 menunjukkan maklumat demografi klien:

Jadual 1: Maklumat Demografi

<b>Kod Klien</b>	<b>Umur</b>	<b>Jantina</b>	<b>Tahap Pendidikan</b>	<b>Status Ibu bapa</b>	<b>Agama</b>	<b>Jenis Gangguan seksual</b>
<b>K1</b>	16	Perempuan	Menengah	Bercerai	Islam	Dirogol
<b>K2</b>	17	Perempuan	Menengah	Bercerai	Islam	Zina
<b>K3</b>	18	Perempuan	Menengah	Ibu meninggal	Islam	Dirogol

---

<b>K4</b>	18	Perempuan	Menengah	Bercerai	Islam	Dirogol
-----------	----	-----------	----------	----------	-------	---------

---

Tema-tema utama yang dibincangkan adalah diri, suasana keluarga dan sistem sokongan dalam kalangan remaja yang terlibat dengan gangguan seksual. Penerangan tema yang muncul diperincikan dibawah mengikut klien:

### **Tema Diri**

Klien 1



Melalui lukisan yang telah ditunjukkan, klien telah melukis emosi marah. Klien sangat marah dengan ayah angkatnya kerana telah merogol dirinya ketika klien berusia 13 tahun. Klien juga menyatakan ayah angkatnya terlibat dalam penagihan dadah. Sejak peristiwa dirogol, klien telah mengasingkan diri didalam bilik, keadaan tersebut menyebabkan klien mengambil masa menceritakan hal sebenar dengan ibu angkatnya kerana takut dimarahi oleh ibu angkat.

Hasil kajian menunjukkan klien masih menyimpan dendam dan marah kepada bapa angkat kerana merogolnya. Ini menunjukkan klien masih tidak dapat menerima bapa angkat setelah peristiwa hitam terjadi. Disamping itu klien takut untuk menceritakan kepada ibu angkat tentang perkara tersebut. Dapatan ini disokong oleh Burgess and Holmstrom (1976) yang menyatakan kesan dari aspek emosi atau mental menyebabkan wanita yang dirogol mengalami `sindrom trauma rogol'. Mangsa tidak berani menceritakan pengalaman pahit mereka dan menanggung kesengsaraan secara bersendirian. Mereka memerlukan masa yang panjang untuk sembuh. Pada masa ini mangsa kelihatan seolah-olah ingin mengasingkan diri dan tidak mahu terlibat dalam kegiatan sosial bersama-sama ahli masyarakat yang lain.


Mangsa yang tidak merelakan perbuatan rogol sering merasakan diri tidak berguna dan malu sekiranya masyarakat luar tahu status mereka. Penerimaan ke atas diri sendiri adalah rendah (Salina et al. 2012; Dollar et al. 2004; Sahl & Keene 2010). Kajian lepas menunjukkan rutin harian mangsa terganggu kerana merasa tertekan, takut hubungan diketahui orang dewasa, kelihatan muram, menjadi mudah marah (Inzerberg, 2016; Atkinson, 2008).

Klien 1 memerlukan masa untuk menceritakan peristiwa tersebut kepada individu lain. Dapatan kajian ini disokong oleh Frazier (2000) yang menyatakan kesan kejadian rogol menghantui perasaan mangsa sehingga kadang-kadang menimbulkan keresahan dan beberapa persolan dalam diri mangsa tanpa sebarang kesudahan. Mangsa akan tertanya-tanya, kenapa aku jadi begini? Kenapa aku yang menjadi mangsa? Adakah peristiwa ini akan berulang lagi? Sebaliknya, persoalan sedemikian tidak akan menjadi masalah utama. Walaupun agak sukar untuk mengubah apa yang

telah berlaku tetapi langkah-langkah pencegahan secara berkesan boleh dilakukan supaya ianya tidak berulang lagi. Manakala kajian menurut Che Surahaya (2006), wanita dan kanak-kanak yang menjadi mangsa rogol akan mengalami perasaan malu, dan trauma sepanjang hayat. Mereka memerlukan masa dan sokongan semua pihak khususnya kaum keluarga, kaunselor, rakan sebaya dan masyarakat untuk pulih semula. Ezarina Zakaria et.al (2017) dapatan kajian menunjukkan kesemua mangsa tidak melakukan sebarang pendedahan pada peringkat awal. Mangsa lebih memilih untuk merahsiakan kejadian ini daripada pengetahuan sesiapa sahaja termasuklah ahli keluarga dan juga pihak berkuasa

Berdasarkan dapatan ini, klien perlu dibantu meningkatkan nilai dedikasi dalam dirinya kerana emosi marah dan dendam yang masih membara. Jiwa klien hendaklah disokong bagi menghadapi dunia akan datang dan cabaran yang akan hadir dalam hidupnya, kerana jika emosinya masih dihantui, ianya pasti mengganggu dedikasi klien. Nilai dedikasi menjadikan klien seorang yang dapat menghadapi tekanan, dinamik dan mempunyai iltizam untuk menjayakan tanggungjawabnya dengan komited dalam jasmani, emosi, rohani dan intelektual. Pengkaji melihat menjadi tanggungjawab keluarga dan masyarakat untuk sentiasa menyokong dan memberikan bantuan mengurus emosi supaya nilai dedikasi dapat ditingkatkan. Dalam surah at-Thurr ayat 48, Allah telah berfirman: “Dan bersabarlah dalam menunggu ketetapan Tuhanmu, maka sesungguhnya kamu berada dalam penglihatan Kami, dan bertasbihlah dengan memuji Tuhanmu ketika kamu bangun berdiri”

Klien 2



Hasil lukisan klien 2 menunjukkan emosi sedih kerana tidak pernah merasai kasih sayang daripada keluarga terutamanya ibu. Klien juga berasa kecewa kerana ibu telah terlibat dalam dunia penagihan dadah. Klien juga terdedah dengan ancaman-ancaman lain seperti hampir dirogol oleh rakan lelaki ibunya dan bapa tiri. Klien mengakui telah bercinta dan mula terpengaruh dengan teman lelaki untuk menjalinkan hubungan seks secara sukarela. Klien mula terjebak ketika berusia 13 tahun manakala teman lelakinya berusia 14 tahun.

Hasil penelitian lukisan ini, pengkaji mendapati klien kecewa dengan ibu bapa terutamanya setelah mengetahui penglibatan ibu bapa dalam penagihan dadah. Kerana berlaku pengabaian, klien mencari kasih sayang bersama teman lelakinya. Dapatan ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Mohamad Faizal Mohammad dan Mohd Zaki Ishak (2014), Ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam mencorakkan dan menanam nilai-nilai serta etika kehidupan yang harmonis. Kegagalan institusi keluarga yang disebabkan oleh kecuaiannya ibu bapa mendidik anak-anak ke arah penghidupan yang unggul akan menjerumuskan anak itu sendiri ke arah

kehidupan sosial yang tidak sihat. Sikap ibu bapa yang gagal menjalin hubungan yang baik dengan anak mereka dalam konteks sosial kehidupan seharian akan menjelmakan masalah kekecewaan terhadap anak itu dan mewujudkan tingkah laku negatif dan tekanan psikologikal kepada anak itu sendiri. Hubungan yang tidak baik yang ditunjukkan oleh ibu bapa telah memberi tekanan emosi yang mendalam kepada anak remaja yang boleh membawa mereka kepada masalah yang lebih besar atau negatif.

Klien 2 telah menjalin hubungan cinta dengan teman lelaki hingga menyebabkan hubungan seksual di luar nikah. Dapatan ini disokong oleh Nasrudin et.al (2012), perasaan cinta ini menyebabkan informan rela menyerahkan tubuh mereka kepada teman lelaki untuk memenuhi keperluan seks, dengan harapan cinta yang dibina kekal selamanya. Dapatan ini juga disokong oleh kajian yang dibuat oleh Aminuddin (2004), yang menyatakan institusi keluarga pada hari ini gagal memainkan peranan dan fungsi sewajarnya dalam membentuk generasi mudah bersahsiah tinggi. Kurangnya kasih sayang sesama keluarga telah menyebabkan berlakunya pelbagai masalah sosial seperti sumbang mahram, lari dari rumah dan gejala hubungan seks.

Keinginan seksual, akan datang kepada kanak-kanak yang sedang meningkat remaja khususnya yang mula baligh. Keinginan seksual ini mendorong seseorang remaja itu untuk rasa tertarik kepada pasangan berlainan jantina. Keinginan ini datang sehingga mereka tertarik untuk melihat, memegang, meraba, bercumbu-cumbuan, dan akhirnya bersanggama (Sari Banun & Soedijono, 2013). Keinginan ini sememangnya datang kepada remaja atas sifat semula jadi yang bersifat fitrah dan syahwat (Muhyidin, 2014; Sarnon et al., 2012).

Tujuh golongan yang Allah SWT melindungi mereka dengan lindungan arasnya (daripada kepanasan matahari) pada hari yang tiada perlindungan melainkan perlindungannya:... dan seorang lelaki atau remaja yang dipujuk rayu oleh seseorang wanita kaya dan cantik, tetapi dia menjaga maruah dirinya dengan berkata: "Sesungguhnya aku takut akan Allah!" (Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Hadis ini bermaksud bahawa remaja yang berjaya menahan dirinya daripada memenuhi keinginan syahwat dengan jalan yang salah sementara menunggu jalan perkahwinan yang halal, maka mereka mendapat ganjaran perlindungan Allah SWT ketika semua umat manusia dalam kesusahan di Padang Mahsyar (Kamarul Azmi Jasmi, 2017).

Klien ini perlu dibantu meningkatkan nilai dedikasi dalam dirinya, kekecewaan yang kesedihan yang dialami oleh klien ini pasti mengganggu kehidupannya. Jiwa klien hendaklah terisi dengan iltizam bagi meningkatkan emosi, rohani dan intelektual yang dinamik. Bagi menjadikan klien seorang remaja yang kuat menghadapi tekanan dan cabaran dalam kehidupan. Jika Allah menolong kamu, maka tak adalah orang yang dapat mengalahkan kamu; jika Allah membiarkan kamu (tidak memberi pertolongan), maka siapakah gerangan yang dapat menolong kamu (selain) dari Allah sesudah itu? Karena itu hendaklah kepada Allah saja orang-orang mukmin bertawakkal. (Ali Imran, Ayat 60).



Klien 3



Menurut apa yang dilakarkan oleh klien tentang diri pada ketika ini adalah “Hati yang berbelah dan retak”. Ini kerana klien merasa tertekan apabila keluarga iaitu ibu sering menyalahkan klien kerana tidak menjaga adiknya dengan baik yang menyebabkan adiknya lari daripada Rumah Kanak-kanak (RKK). Menurut klien selain dirinya yang tinggal di RKK, adiknya juga berada Di RKK. Kes klien dan adiknya adalah sama (dicabul oleh abang ipar). Tetapi sekarang adiknya telah melarikan diri semasa pulang dari sekolah. Sampai sekarang belum diketahui lagi. Keadaan ini menyebabkan banyak perasaan yang wujud dalam diri klien iaitu tertekan, risau, marah, sedih dan kecewa. Perasaan risau, bimbang dengan keadaan diri adiknya. Perasaan marah disebabkan oleh sikap dan perangai adiknya yang menyusahkan klien, keluarga dan pihak RKK. Manakala perasaan sedih dan kecewa apabila ibu menyalahkan diri klien kerana tidak menjaga adiknya dengan baik.

Hasil dapatan kajian menunjukkan mangsa rogol sentiasa berasa tertekan dengan orang persekitarannya seperti klien yang tertekan dengan layanan ibu setelah adiknya melarikan dari RKK. Emosi klien telah didera oleh ibunya hingga klien merasa risau, marah, sedih dan kecewa. Dapatan ini disokong oleh Inzerberg, (2016); Atkinson, (2008) yang menyatakan rutin harian mangsa terganggu kerana merasa tertekan, takut hubungan diketahui orang dewasa, kelihatan muram, menjadi mudah marah. Mangsa rogol sering merasakan diri tidak berguna dan dihantui perasaan malu sekiranya masyarakat luar tahu mengenai keadaan dirinya. Menurut Sable et al. (2006) & Salina et al. (2012), keadaan ini berpunca daripada keluarga dan juga masyarakat yang melakukan penolakan terhadap mangsa.

Selain itu, dapatan ini disokong oleh Khadijah Alavi & Mohamed Fadzil Che Din (2007) yang menyatakan emosi adalah rasa dalaman yang dapat dilihat sebagai sedih, marah, meradang, geram, benci, sakit dan sebagainya. Kanak-kanak yang secara berterusan terdedah kepada penderaan emosi berkemungkinan besar mengalami kesan negatif yang menjejaskan pembangunan emosi, tingkah laku dan perasaan rendah diri.

Klien telah menzahirkan emosi negatif iaitu sedih, kecewa, marah dan risau. Emosi negatif yang dialami klien menunjukkan nilai dedikasi amatlah penting dalam membantu dirinya mendepani cabaran pada masa akan datang. Dalam surah at-Taubah ayat 51, Allah telah berfirman: Katakanlah: “Sekali-kali tidak akan menimpa kami melainkan apa yang telah ditetapkan Allah untuk kami. Dialah Pelindung kami, dan hanya kepada Allah orang-orang yang beriman harus bertawakal.”

Klien 4



Hasil lukisan diatas menunjukkan sebuah lukisan pemandangan. Klien telah banyak menggunakan crayon berwarna hijau dan biru kerana dirinya berasa tenang. Kerana klien berasa tenang daripada perlu menghadiri rutin kawad yang wajib diadakan setiap pagi di RKK. Perasaan bebas dan klien boleh keluar walaupun sementara menyebabkan dirinya tenang. Klien juga menyatakan sangat rindu dengan suasana kampung halamannya. Klien telah berhenti sekolah semasa di tingkatan 3. Ini kerana klien sering ponteng sehingga diberikan surat amaran oleh pihak sekolah, tetapi klien tidak kisah dengan amaran tersebut kerana klien memang tidak berminat untuk ke sekolah lagi. Klien ditempatkan di RKK kerana dirogol oleh abang ipar. Percabulan yang berlaku lebih daripada sekali. Pada awalnya klien tidak menceritakan kejadian ini kepada ahli keluarga, walaubagaimanapun ahli keluarga telah mendapat tahu disebabkan klien mengandung. Keadaan ini menyebabkan klien terpaksa menceritakan apabila didesak oleh kakak dan abangnya. Dalam kes ini, ramai ahli keluarga menyalahkan klien kerana dikatakan klien telah mengoda abang iparnya. Untuk menyembunyikan perkara ini daripada pengetahuan orang lain, klien telah ditempatkan di RKK Rembau. Klien memanggil abang iparnya sebagai penjenayah.

Hasil penelitian lukisan yang dijalankan, pengkaji mendapati klien tidak suka dengan beberapa peraturan dan rutin yang berlaku di RKK kerana tidak memenuhi keperluan dan keinginan klien. Hasil dapatan ini dapat disokong oleh kajian Pathmanathan (2011), ada antara kanak-kanak yang merasa tidak gembira dengan program yang dilaksanakan kerana tidak menepati keperluan atau keinginan mereka. Segala keperluan fizikal dan rohani untuk kanak-kanak cuba dipenuhi seperti pelaksanaan program-program bimbingan dan kaunseling, pendidikan, kerohanian, riadah dan aktiviti sukan (Abdul Razak, Zakiyah, Rusimah, Noor Azizah & Ahmad Shukri, 2010). Dalam konteks ini, terdapat peraturan dan garis panduan yang standard dalam memberi perkhidmatan kepada mangsa serta memenuhi keperluan perkhidmatan yang berkualiti mengikut etika professional yang telah ditetapkan (Wagner, 2008). Mangsa bawah umur cenderung merasakan intervensi dan penempatan institusi sebagai peraturan yang keras.

Klien tidak gembira dan tidak berminat dengan peraturan yang ditetapkan oleh RKK. Pengkaji melihat nilai dedikasi perlu ditingkatkan kerana melalui aktiviti kawad, membantu menerapkan disiplin dalam diri klien. Apabila emosi klien tidak diuruskan dengan baik, maka menjejaskan disiplin mereka untuk membuat sesuatu.

Allah berfirman dalam al-Quran, surah ali Imran ayat 31: Katakanlah: “Jika kamu (Benar-benar mencintai Allah, ikutilah aku, nescaya Allah mengasihi dan

mengampuni dosa-dosamu". Allah maha pengampun lagi maha penyayang". Dari pemahaman ini, dapat dilihat bahwa disiplin dalam beribadah terdiri dari dua perkara: (1) berpegang teguh kepada apa yang diajar oleh Allah dan Rasul-Nya, sama ada dalam bentuk perintah atau larangan, atau ajaran yang membenarkan, menggalakkan, sunnah, makruh dan subhat; (2) sikap berpegang teguh pada cinta kepada Allah, bukan kerana ketakutan atau paksaan. Tujuan mencintai Allah adalah untuk selalu mematuhi Dia.

Hasil penelitian kajian ini juga, pengkaji mendapati klien merahsiakan kehamilan yang disebabkan oleh abang ipar kerana merasa takut dan tertekan. Klien rela menyembunyikan peristiwa daripada pengetahuan keluarga sehingga dikenalpasti ahli keluarga melalui perubahan fizikal pada perut klien. Hasil kajian ini disokong oleh Dollar, (2004) yang menyatakan mangsa bertindak menarik diri serta merta dan tidak akan berkata apa-apa untuk beberapa hari. Mangsa lebih banyak menyendiri dan tidak mahu menceritakan apa yang berlaku kepada orang sekeliling. Hal ini kebanyakannya dapat dilihat berlaku kepada mangsa rogol kanak-kanak.

Secara keseluruhannya, untuk tema diri ini, pengkaji melihat nilai dedikasi amat penting bagi membantu semua klien mendepani cabaran dan tekanan hidup. Emosi marah, sedih, kecewa, risau dan sebagainya telah menunjukkan klien masih memerlukan bimbingan dan bantuan untuk menghadapinya. Merujuk kepada isu-isu klien. Kesemua klien telah terlibat dengan gangguan seksual samada secara tidak rela atau rela. Klien 1 telah dirogol oleh ayah angkat manakala klien 2 telah menjalinkan hubungan seksual rela dengan teman lelaki manakala klien 3 dan 4 dirogol oleh abang ipar. Ini menunjukkan klien mengenali mereka. Hasil dapatan ini disokong oleh Mat Rijal (2010) yang menyatakan bahawa masalah kes rogol ini sering di lakukan oleh golongan-golongan yang dikatakan mengalami masalah mental atau lebih di kenali sebagai individu yang "sakit" walau bagaimanapun kajian yang di lakukan oleh Jamaludin bin Mustafa dan rakan-rakannya (2004), menurut hasil kajian hanya 1/3 daripada kes rogol dilakukan oleh mereka yang `sakit', sebenarnya 2/3 jenayah ini dilakukan oleh golongan lelaki dalam jenayah yang terancang iaitu mangsa yang di rogol kebanyakan di kenali oleh perogol. Allah telah berfirman, "Hai orang-orang yang beriman, janganlah kalian mengkhianati Allah dan Rasul-(Nya) dan (juga) janganlah kalian mengkhianati amanat-amanat yang dipercayakan kepada kalian, sedangkan kalian mengetahuinya. Dan ketahuilah bahwa harta kalian dan anak-anak kalian itu hanyalah sebagai cobaan, dan sesungguhnya di sisi Allahlah pahala yang besar." (Surah al-anfal ayat 27.28)

## **Tema keluarga**

Klien 1



Hasil lukisan diatas menunjukkan klien telah melukis sebuah rumah dan tiga manusia iaitu dirinya, ibu angkat dan adik angkat. Kedua-dua individu ini sangat penting kepada diri klien dan sering melakukan aktiviti bersama mereka. Klien tidak melukis ahli keluarga yang lain kerana mereka dianggap telah hilang dan tidak penting. Klien mengakui terdapat hubungan yang dingin dengan adik-beradik yang lain. Klien dilema apabila tinggal satu rumah dengan orang yang disayangi dan dibenci. Klien juga sanggup berkorban apa sahaja untuk menggembirakan ibu angkat dan adik angkatnya.

Pengkaji mendapati terdapat hubungan yang positif dan negatif dalam kalangan ahli keluarga klien. Hasil keputusan ini disokong oleh Hetu, (2014); Fuller, (2016) menyatakan penerimaan keluarga terhadap mangsa rogol mendapati lebih ramai keluarga yang mempunyai tahap penerimaan negatif terhadap mangsa rogol berbanding reaksi positif. Penemuan ini menggambarkan masih ramai ibu bapa serta ahli keluarga lain yang tidak boleh menerima kejadian rogol yang dialami oleh mangsa.

Pengkaji mendapati nilai kerjasama yang diberikan oleh klien dan ahli keluarga perlu dibaiki. Kesan daripada nilai diri klien dan keluarga akan memberikan suasana keluarga yang lemah nilai kerjasama. Nilai kerjasama akan mendidik sikap remaja yang saling bermuafakat, bertukar-tukar fikiran dengan meneroka idea-idea baru untuk membangunkan keperibadian remaja Islam. Dengan ini mereka akan mengetahui keperluan antara satu sama lain seperti kebajikan, undang-undang dan kemahiran yang secara tidak langsung menjalinkan hubungan di antara mereka. Sabda Rasulullah SAW: "Sebaik-baik kalian adalah yang paling baik keluarganya. Dan aku adalah yang paling baik terhadap keluargaku." (Riwayat At-Tirmidzi).

Klien 2



Klien telah melukis sebuah gambar keluarga. Hasil lukisan menunjukkan gambar ibunya menagih dadah manakala adik beradiknya yang lain berada di sebuah rumah perlindungan juga seperti klien. Ibu sering memarahi klien sepanjang tinggal berkeluarga. Klien menyatakan ibunya tidak pernah berubah untuk berhenti daripada menghisap dadah, kerana masih berkawan dengan orang yang terlibat dengan penagihan dadah.

Pengkaji mendapati nilai kerjasama dan nilai berbudi mulia masih perlu diperbaiki dalam keluarga klien. Jika ibu bapa tidak menjadi teladan yang baik kepada anak-anak, maka perkembangan mereka menjadi masalah. Suasana negatif dalam keluarga akan memberikan kesan negatif kepada tumbesaran klien. Dalam Islam,

menurut Khairul Hamimah Mohammah Jodi et.al, (2012) nilai berbudi mulia ini membentuk remaja yang bukan sahaja berakhlak mulia kepada diri sendiri tetapi berbudi mulia kepada Allah dan rasul. Mereka berusaha menjauhkan diri daripada terlibat dalam pertelingkahan yang selalunya tidak berlandaskan pemikiran yang rasional. Ini akan melahirkan masyarakat hidup bersatu padu, bersikap merendah diri dan mengeratkan perhubungan kasih sayang sesama umat Islam. Ibu bapa perlu menanamkan nilai-nilai murni dalam diri anak-anak supaya mereka boleh menempuh kehidupan mereka dengan sempurna. Selaras dengan Hadis Rasulullah SAW yang bermaksud ; Setiap anak dilahirkan dalam keadaan suci (bersih), maka ibu dan bapanya yang mencorakkan anaknya menjadi Yahudi, Nasrani atau Majusi. (Abu Daud, 1387H).

Mohamad Faizal Mohammad dan Mohd Zaki Ishak (2014), Kegagalan institusi rumah tangga khususnya ibu bapa yang gagal merancang dan mewujudkan situasi harmoni dalam sesebuah keluarga akan memberi impak yang besar walaupun dilihat dari segi mata kasar ianya sesuatu perkara yang mudah. Dapatan kajian menunjukkan ibu bapa yang tidak meluangkan masa untuk anak mereka berbincang ataupun mewujudkan suasana kasih sayang dalam kalangan keluarga akan mewujudkan jurang dan perasaan yang tidak sihat terhadap emosi remaja. Dapatan ini selari dengan kajian yang telah dilakukan oleh Fariza et al. (2000) yang menyatakan bahawa kegagalan institusi rumah tangga telah membawa berlaku pelbagai keruntuhan moral seperti lari dari rumah, salah laku seks, pelacuran, buang bayi, vandalisma dan sebagainya.

Klien 3



Dalam lakaran ini, klien menulis setiap nama ahli keluarganya kecuali kakak sulung dan adik ketiga. Setiap nama yang ada dinyatakan gambaran sikap setiap orang dengan positif kecuali dirinya yang mempunyai sikap negatif. Contohnya ibu seorang penyabar, adiknya seorang yang manja, bapanya seorang yang penyayang manakala dirinya seorang yang suka pendam. Ini menunjukkan klien mempunyai sikap yang berbeza dengan ahli keluarganya. Menurut klien juga, dia sangat rindu kepada ahli keluarganya kerana sudah lama tidak bersama. Semasa di RKK, keluarganya tidak kerap bertanya khabar melalui panggilan telefon yang menyebabkan klien rindu kepada keluarga.

Pengkaji mendapati nilai kerjasama dalam keluarga perlu dipertingkatkan lagi. Ini kerana klien tidak kerap menerima kunjungan sepanjang menetap di RKK. Suasana keluarga yang kurang memberikan nilai kerjasama akan menyebabkan emosi, pemikiran dan tingkah laku remaja terjejas. Sebagaimana dalam surah at-Tahrim ayat 6, Allah berfirman yang bermaksud: Wahai orang-orang yang beriman,

peliharalah dirimu dan keluargamu daripada api neraka. Jelas di sini, dalam usaha menjauhkan diri dan keluarga daripada api neraka, maka perlu mendidik ahli keluarga dengan sebaik-baiknya.

Klien 4



Klien telah melukis dan menulis perkataan yang mewakili ahli keluarganya. Klien menyatakan arwah ibunya seorang yang penyayang, ayahnya pula seorang yang penyabar, kakaknya seorang yang baik dengan suka melayan adik-adik, abangnya seorang yang garang dan sporting manakala adiknya seorang yang nakal dan manja. Klien juga ada menggambarkan dirinya seorang yang manja, degil, lasak, sporting dan suka memendam perasaan. Bentuk love merupakan perasaan sayang dan rindu klien pada keluarga di kampung halaman kerana sudah lama tidak berjumpa. Klien melahirkan rasa kecewa kerana sepanjang dirinya tinggal di RKK, tiada seorang pun ahli keluarganya melawat dirinya. Klien menyatakan keadaan ini disebabkan mereka susah, tidak cukup duit untuk datang kerana RKK dengan kampung jaraknya sangat jauh dan memerlukan kos perbelanjaan yang banyak.

Hasil dapatan lukisan klien, pengkaji mendapati klien berasa rindu kepada ahli keluarga sepanjang tinggal berjauhan dengan mereka dan berharap ahli keluarga menziarahinya di RKK. Kerinduan klien dizahirkan dengan gambaran sikap dalam setiap ahli keluarganya. Klien juga dapat menerima dan memahami situasi keluarganya walaupun jauh di sudut hati ingin melihat keluarga menziarahinya. Ketika perasaan rindu sudah memuncak dan terasa tak dapat dibendung, janganlah menuruti bisikan syetan untuk menuruti hawa nafsu, sebaik baik jalan untuk menghadapi rasa rindu adalah dengan berdoa. Selain itu anda bisa mendalami cara mencintai seseorang menurut islam. Ingatlah manusia adalah makhluk yang lemah, kita sentiasa memerlukan pertolongan Allah S.W.T seperti firman Allah di QS Al Mukmin ayat 60 "Berdoalah kepada Ku, niscaya akan kuperkenankan bagimu".

### Sistem sokongan

Klien 1



Hasil dapatan lukisan klien, didapati klien telah melukis suasana Rumah Kanak-Kanak. Klien menyatakan RKK adalah tempat yang seronok kerana ramai teman dan guru. Lukisan padang adalah tempat klien melepaskan tekanan dengan melakukan aktiviti lapang. Manakala lukisan bangunan dalam RKK adalah tempat klien melakukan segala aktiviti sepanjang berada di RKK.

Melalui gambaran diatas, klien menggambarkan suasana yang positif di RKK dan dapat melakukan segala aktiviti bersama guru dan rakan. Klien juga turut rasa bersyukur dan menghargai bantuan, bimbingan dan sokongan yang diberikan oleh pihak RKK. Nilai kesyukuran yang dinyatakan menunjukkan klien menerima dengan baik RKK sebagai sebuah institusi yang membantu dirinya menjadi manusia yang lebih baik. Nilai bersyukur akan melahirkan remaja yang sentiasa berterima kasih kepada Allah, keluarga, sahabat, majikan dan lain-lain dengan menghargai, berkongsi nikmat yang didapatinya. Allah telah berfirman dalam surah Ibrahim, ayat 7: Dan (ingatlah juga), tatkala Tuhanmu memaklumkan; "Sesungguhnya jika kamu bersyukur, pasti Kami akan menambah (nikmat) kepadamu, dan jika kamu mengingkari (nikmat-Ku), maka sesungguhnya azab-Ku sangat pedih".

Kajian daripada Abdul Razak, Zakiyah, Rusimah, Noor Azizah & Ahmad Shukri, (2010) menyatakan RKK sentiasa memberi perhatian kepada beberapa aspek penting dalam penyediaan sistem sokongan terhadap kanak-kanak yang didera dan memerlukan pemeliharaan dan perlindungan. Segala keperluan fizikal dan rohani untuk kanak-kanak cuba dipenuhi seperti pelaksanaan program-program bimbingan dan kaunseling, pendidikan, kerohanian, riadah dan aktiviti sukan. Selain itu di rumah perlindungan, penghuni bukan sahaja disediakan tempat tinggal yang selamat dan selesa, malah keutamaan yang diberikan ialah pengisian terutamanya daripada aspek pemantapan kerohanian. Setiap daripada mereka diberikan kelas-kelas motivasi, tazkirah dan ada rutin harian (Noor Hafizah Mohd Haridi, 2016).

RKK merupakan salah satu tempat klien mendapatkan sokongan jika tiada sokongan daripada keluarga. Kajian daripada Nasrudin et.al (2012) menyatakan remaja yang dirogol menjadi lebih berisiko apabila gagal mendapat sokongan yang secukupnya daripada ahli keluarga terutamanya ibu bapa. Gaya asuhan yang bersifat penolakan juga menjadikan anak merasa kurang kasih sayang, seterusnya menambah impak negatif rogol statutori apabila anak yang menjadi mangsa rogol merasa terabai tanpa sokongan.

Klien 2




Hasil lukisan klien menunjukkan RKK merupakan tempat mendapatkan sokongan. Melalui sistem sokongan ini, klien dapat belajar kemahiran membuat kek dan roti sehingga lulus dalam kemahiran tersebut. Klien juga menyatakan dalam RKK turut menyediakan perkhidmatan pengajian agama yang sangat diperlukan klien. Klien juga melukis gambar hospital kerana klien dapat mengetahui status tiada penyakit HIV daripada aktiviti seksual klien.

Klien merupakan anak remaja yang masih perlu diberikan bimbingan kerohanian dalam menempuh cabaran kehidupan. Bantuan keagamaan yang diberikan oleh pihak RKK disambut baik oleh klien. Ini kerana kajian yang dijalankan oleh Arieff (2006), menyatakan kemantapan agama berlaku lewat dalam diri remaja iaitu berumur antara 23 dan 24 tahun. Justeru ketika usia remaja, mereka gagal dan tidak mengambil berat terhadap tuntutan agama yang wajib dipenuhi (Mohamad Faizal Mohammad dan Mohd Zaki Ishak, 2014).

Hasil kajian ini turut disokong oleh Noor Hafizah Mohd Haridi, (2016) menyatakan di rumah perlindungan, penghuni bukan sahaja disediakan tempat tinggal yang selamat dan selesa, malah keutamaan yang diberikan ialah pengisian terutamanya daripada aspek pemantapan kerohanian. Setiap daripada mereka diberikan kelas-kelas motivasi, tazkirah dan ada rutin harian.

Nilai kesyukuran yang ditunjukkan oleh klien melalui lukisan akan melahirkan remaja yang sentiasa berterima kasih kepada Allah, keluarga, sahabat, majikan dan lain-lain dengan menghargai dan berkongsi nikmat yang didapatinya. Seperti mana Allah berfirman dalam surah Luqman, ayat 12: Dan sesungguhnya telah Kami berikan hikmat kepada Luqman, yaitu: "Bersyukurlah kepada Allah. Dan barangsiapa yang bersyukur (kepada Allah), maka sesungguhnya ia bersyukur untuk dirinya sendiri; dan barangsiapa yang tidak bersyukur, maka sesungguhnya Allah Maha Kaya lagi Maha Terpuji".

Klien 3



Lukisan diatas menggambarkan klien rindu kepada keluarga dan adakalanya berasa sedih kerana berjauhan dengan keluarga. Bagi klien, aktiviti mendengar lagu sedikit sebanyak menggembirakan diri klien, selain itu juga aktiviti memasak bersama rakan dan berzumba juga dapat mengurangkan perasaan sedih pada dirinya. Pengkaji mendapati, klien mengharapkan sokongan keluarga dan klien gembira menjalani kehidupan di RKK. Sokongan yang diberikan pihak RKK membantu klien menguruskan kesedihan dirinya. Klien bersyukur kerana mendapat sokongan dan membantu dirinya lebih kuat dalam mendepani kehidupan. Nilai kesyukuran ini akan melahirkan diri klien sentiasa menghargai individu sekelilingnya. Allah berfirman

**83 | Nilai Diri, Keluarga, Sistem Sokongan dan Pengalaman Terapeutik Islamic Creative Art Therapy dalam Kalangan Remaja Gangguan Seksual**




dalam surah al-Hujurat ayat 10: “Orang-orang beriman itu Sesungguhnya bersaudara. sebab itu damaikanlah (perbaikilah hubungan) antara kedua saudaramu itu dantakutlah terhadap Allah, supaya kamu mendapat rahmat”

Justeru, remaja yang terlanjur perlu dibantu dengan memberikan mereka perlindungan supaya kehidupan mereka merasa lebih selamat dan tenang dalam menghadapi cabaran kehidupan pada masa akan datang. Hasil kajian ini disokong oleh Siti Marziah Zakaria & Nur Afifah Binti Zulkifli (2017) Kajian mendapati bahawa rumah perlindungan yang dikaji telah berjaya memberikan pengalaman baharu yang signifikan kepada kehidupan remaja di situ. Di rumah perlindungan, mereka akan diberikan bimbingan dan panduan sebagai persediaan untuk kembali ke pangkuan masyarakat.

Hasil kajian ini juga didapati, klien menyatakan apabila dibebaskan daripada RKK, klien masih berharap ibu bapa menerima keadaannya. Sokongan diperlukan oleh klien untuk perkembangan yang baik terutamanya sokongan keluarga. Banyak dapatan kajian menjelaskan bahawa sokongan sosial yang diterima oleh individu adalah tidak konsisten (Schobucher, Maier, Mohler-Kuo, Schnyder & Landolt (2014). Majoriti daripada kanak-kanak ini menerima sokongan daripada ibu bapa mereka. Walaupun sokongan sosial didapati menjadi peramal penting dalam penyembuhan psikologikal selepas penderaan seksual, tahap dan kualiti sokongan sosial yang disediakan kepada mangsa penderaan seksual masih tidak diteliti secukupnya dan sewajarnya.

Klien 4



Hasil lukisan klien diatas menunjukkan klien mendapatkan sokongan melalui ahli keluarga iaitu abang dan ayah. Klien menyatakan mereka sahaja yang dapat memahami dan sentiasa menyokong dirinya dalam menghadapi liku kehidupan. Nilai kesyukuran klien terletak kepada sokongan ahli keluarganya ini. Klien turut menyatakan apabila berada dalam keadaan sedih dan tertekan, klien akan membaca novel, mendengar radio, berzikir dan berdoa supaya dapat menenangkan emosinya. Klien melakukan pelbagai aktiviti untuk menyokong dirinya daripada sentiasa bersedih.

Pengkaji mendapati klien menginginkan sokongan ahli keluarganya bagi membantu klien menguruskan emosi kesedihan yang sering mengahntui dirinya. Sokongan keluarga adalah tunggak utama kepada klien dalam menghadapi cabaran yang akan dilaluinya kelak. Allah telah berfirman dalam al-quran: “Hai orang-orang yang beriman, peliharalah dirimu dan keluargamu dari api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu; penjaganya malaikat-malaikat yang kasar, keras, 84 | Nilai Diri, Keluarga, Sistem Sokongan dan Pengalaman Terapeutik Islamic Creative Art Therapy dalam Kalangan Remaja Gangguan Seksual

dan tidak mendurhakai Allah terhadap apa yang diperintahkan-Nya kepada mereka dan selalu mengerjakan apa yang diperintahkan.”(QS. At-Tahrim: 6)

Secara keseluruhannya, keempat-empat klien mempunyai nilai kesyukuran diatas sokongan luaran seperti sokongan ahli keluarga dan pihak RKK. Nilai kesyukuran yang dilahirkan akan menjadikan klien sentiasa menghargai setiap sokongan yang diterima. Seperti mana Allah telah berfirman dalam al-Quran dalam surah Luqman (31): 12 dinyatakan, “Dan sesungguhnya Kami telah menganugerahkan kepada Luqman hikmah, yaitu: “Bersyukurlah kepada Allah. Dan barang siapa yang bersyukur (kepada Allah), maka sesungguhnya ia bersyukur untuk (manfaat) dirinya sendiri.

## **RUMUSAN**

Berdasarkan daripada pemerhatian terhadap lukisan, gambaran objek dalam sesi dan dokumen laporan kaunseling yang disediakan oleh pengkaji, kesimpulannya ialah remaja yang terlibat dalam gangguan seksual perlu dibantu untuk meningkatkan nilai-nilai Islam dalam diri. Nilai diri klien menunjukkan nilai dedikasi amat diperlukan bagi membantu mereka menguruskan emosi dan perasaan seperti marah, dendam, sedih, risau dan kecewa. Emosi-emosi negatif yang masih wujud ini mengganggu klien untuk menunjukkan nilai dedikasi dalam kehidupan mereka. Selain itu, nilai kerjasama dalam keluarga juga harus diperbaiki agar emosi, pemikiran dan tingkah laku klien berkembang dengan baik. Nilai kesyukuran juga dilahirkan oleh klien sebagai penghargaan kepada sistem sokongan seperti keluarga dan Rumah Kanak-Kanak. Pengkaji mendapati penggunaan modaliti Islamic Creative Art Therapy dalam kajian ini membantu pengkaji memberi fokus kepada isu-isu yang dibincangkan dan memudahkan pengkaji melihat konsep melalui gambar yang jelas dan menarik. Selain itu juga, proses menjadi lebih cepat dan hasil yang diperolehi lebih mudah difahami. Kajian lanjutan yang dicadangkan berdasarkan dapatan kajian ini adalah satu kajian yang lebih mendalam dan terperinci dengan menambah tema-tema yang berkaitan dengan remaja yang terlibat dalam gangguan seksual.

## **RUJUKAN**

- Abdul Razak Abd Manaf, Zakiyah Jamaluddin, Rusimah Sayuti, & Ahmad Shukri A. Hamid. 2010. *Kajian keberkesanan program dan aktiviti rumah kanak-kanak kepada bekas penghuni Rumah Kanak-Kanak*. Geran Jabatan Kebajikan Masyarakat.
- Azahar Haruna, Rosli Zakaria, Amiruddin Osman, Hissamudin Ahmad, Ariff Ali, Haslinda Abd Razak, Meor Hasmadi Meor Hamzah. 2012. *Islamic Art Therapy in Malaysian Prison*. *Procedia Economics and Finance* 00 (2012) 000–000
- Berita Harian. 2016. Kes gangguan seksual 2015 makin meningkat.
- Dollar, K. Perry, A. Fromuth, M. & Holt, A. (2004). *Influence of gender roles on perceptions of teacher/adolescent student sexual relations*. *Sex Roles*. 50 (1) : 91 – 101.
- Ezarina Zakaria, Nur Farrah Alya Zakaria, Norulhuda Sarnon & Nor Jana Saim. 2017. *Penerimaan Mangsa Rogol Statutori Terhadap Diri Sendiri Dan Pelaku Rogol: Satu Kajian Kes (Statutory Rape Victim Acceptance Towards Self and The Perpetrator: A Case Study)*. *Journal of Sciences and Humanities Special Issue* 3 (2017): 016 ISSN: 1823-884x

- Fonny Hutagalung & Zahari Ishak. 2012. *Gangguan Seksual: Peramal Ke Atas Kepuasan Kerja Dan Tekanan Kerja di kalangan Pekerja Wanita*. Jabatan Psikologi Pendidikan Dan Kaunseling Fakulti Pendidikan Universiti Malaya
- Haja Mydin Abdul Kuthoosa, Noraida Enduta, Azman Azwan Azmawatib, Intan Hashimah Mohd Hashimc, Nor Hafizah Selamat. 2016. *Penerokaan Awal Terhadap Jenayah Seksual Dalam Kalangan Remaja Lelaki Di Malaysia: Satu Kajian Kes Terhadap Remaja Di Sebuah Pusat Pemulihan*. 3rd Kanita Postgraduate International Conference on Gender Studies
- Hetu, V. (2014). *Reflections on the society's reaction towards rape victims in Delhi City*. TEMIDA: 3-26
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2017. *Masalah Seksual dalam Kalangan Remaja dan Penyelesaiannya in Remaja Hebat Siri 4: Batasan dan Halangan Kecemerlangan*, p. 35-60, ISBN: 978-983-52-1273-
- Kamus Dewan. 2005. Kamus Dewan. Edisi Keempat ed. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Pelajar. (Ed.) 2008). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khadijah Alavi & Mohamed Fadzil Che Din. (2007). *Penderaan kanak-kanak: Cabaran, cegahan dan membantu*. Kuala Lumpur: Institut Sosial Malaysia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
- Khairul Hamimah Mohammah Jodi, Mohd Fauzi Hamat, Hadenan Towpek. 2012. *Nilai-Nilai Islam Dalam Program Pemulihan Banduanita Di Penjara*. Jurnal Usuluddin (Januari – Jun 2012), 35: 99-116.
- Mohamad Faizal Mohammad, Mohd Zaki Ishak. 2014. *Gejala Hubungan Seks Dalam Kalangan Pelajar: Satu Kajian Kes*. Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga 2014: "Integriti Keluarga Tunjang Kesejahteraan Masyarakat"
- Mohd Hasrul Shuhari & Mohd Fauzi Hamat, 2015. *Nilai-Nilai Penting Individu Muslim Menurut Al-Ghazali*. Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari
- Muhyidin, Imam 2014. *"Layanan InformasI tentang Peri Laku seks dalam Bingkai Islam"*. *Konseling Religi: Jurnal Bimbingan Konseling Islam*, 5(1), 41-54.
- Nasrudin Subhi, Radhiah Abu Bakar, Norazura Ahmad, Suzana Mohd Hoesni, Fauziah Ibrahim & Mohd Suhaimi Mohamad. 2012. *Hubungan seksual remaja: Antara cinta dan nafsu*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi, Selangor.
- Noor Hafizah Mohd Haridi. 2016. *Program agama di Pusat Pemulihan Akhlak JKM: Kajian dari aspek perlaksanaan dan keberkesanan*. Tesis PhD, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Norashikin Mohd Rejab & Dharatun Nissa Fuad Mohd Karim. 2018. *Penerokaan Hubungan Kekeluargaan Pelajar Bermasalah Displin Melalui Lukisan Enam Elemen*. Prosiding Seminar Play Therapy 2018
- Pathmanathan A/L R. Nalasamy. 2009. *Implementasi hak kanak-kanak (CRC) di Rumah Kanak-Kanak*. Tesis master tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Rafidah Kastawi. 2013. *Terapi Seni Dalam Kaunseling Pelajar Pintar Dan Berbakat*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sable, M.R., Danis, F., Mauzy, D.L. & Gallagher, S.K. (2006). *Barriers to reporting sexual assault for women and men: Perspectives of college students*. *Journal of American College Health*. 55 (3): 157 – 162.
- Sarnon, N., Mohamad, M. S., Fauziah, I., et al. 2012. *"Hamil Luar Nikah: Memahami Remaja Sebagai Asas Intervensi Keluarga"*. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(1).

- Sari Banun, Fadila Oktavia, dan Soedijono, Setyorogo. 2013. "*FaktorFaktor yang Berhubungan dengan Perilaku Seksual Pranikah Pada Mahasiswa Semester V STI Kes X Jakarta Timur 2012*". *Jurnal Ilmiah Kesehatan*, 5(5), 12-19.
- Siti Noorasmah Hamzah. 2016. *Keberkesanan Terapi Seni Lukisan Terhadap Remaja Mangsa Penderaan Seksual Universiti Malaysia Terengganu*.
- Siti Marziah Zakaria & Nur Afifah Binti Zulkifli. 2017. *Pengalaman Remaja Di Rumah Perlindungan Dan Perubahan Dalam Makna Hidup*. *Journal of Sciences and Humanities Special Issue 3 (2017): 005* ISSN: 1823-884x.
- Schobucher, V., Maier, T., Mohler-Kuo, M., Schnyder, U. & Landolt, M. A. (2014). *Adolescent perspectives on social support received in the aftermath of sexual abuse: A qualitative study*. *Arch Sex Behav*, 43, 571-586.